

Bagaimana mendapat pahala seperti mengerjakan 240 000 rakaat solat setiap hari?

Berusaha jangan tinggalkan **2 solat** setiap hari:

- (1) **4 rakaat sunat sebelum (qabliyyah) Zohor**, dan
- (2) **4 rakaat sunat selepas (ba'diyyah) Isya'**

Kerana:

- (1) Rasulullah ﷺ bersabda:

أَرْبَعٌ قَبْلَ الظُّهْرِ كَعِدْلِ بَيْنَ بَعْدَ الْعِشَاءِ وَأَرْبَعٌ بَعْدَ الْعِشَاءِ كَعِدْلِ بَيْنَ مِنْ لَيْلَةِ الْقَدْرِ.

“Empat rakaat sebelum Zohor sama seperti pahala melakukannya selepas Isya' dan empat rakaat yang dilakukan selepas sembahyang Isya' sama seperti pahala melakukannya pada malam Lailatul Qadar.” (Riwayat Imam Ath-Thobrani dalam *Al-Mu'jam al-Kabir* dan *Al-Mu'jam al-Wasith*.)

- (2) Hadis lain:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: (مَنْ صَلَّى الْعِشَاءَ فِي جَمَاعَةٍ وَصَلَّى أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ قَبْلَ أَنْ يَخْرُجَ مِنَ الْمَسْجِدِ، كَانَ كَعِدْلِ لَيْلَةِ الْقَدْرِ.)

“Daripada Sayyidina Ibnu Umar *radhiyallahu anhuma* berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: “Sesiapa yang sembahyang Isya' secara berjemaah dan sembahyang 4 rakaat (selepasnya) sebelum dia keluar daripada masjid, adalah ia sama seperti

pahala melakukannya pada malam Lailatul Qadar.” (Riwayat Imam Ath-Thobrani dalam *Al-Mu'jam al-Kabir*.)

- (3) Dalam hadis *mauquf* disebutkan:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ قَالَ: مَنْ صَلَّى أَرْبَعًا بَعْدَ الْعِشَاءِ كُنَّ كَقَدْرِهِنَّ مِنْ لَيْلَةِ الْقَدْرِ.

“Daripada Sayyidina Abdullah bin Amru bin Al-Ash berkata: Sesiapa yang bersembahyang 4 rakaat selepas Isya', sembahyang 4 rakaat itu nilainya seperti 4 rakaat sembahyang yang dilakukan pada malam al-Qadr (Lailatul Qadar).” (Riwayat Imam Ibnu Abi Syaibah. Sanadnya shahih.)

Catatan:

Satu rakaat yang dikerjakan pada malam Lailatul Qadar sama dengan 30000 rakaat pada malam-malam selainnya. (Lihat *An-Nasho'ih ad-Diniyyah wa al-Washaya al-Imaniyyah*, ms. 140.)

Justeru:

- 4 rakaat sunat sebelum Zohor = 4 rakaat sunat selepas Isya' = seperti melakukannya pada malam Lailatul Qadar = 1 rakaat pada malam Lailatul Qadar sama dengan 30000 rakaat pada malam-malam lain
- 4 rakaat sunat sebelum Zohor (120 000 rakaat) + 4 rakaat sunat selepas Isya' (120 000 rakaat) =

240 000 RAKAAT

(Dipetik daripada buku **40 Hadis: Amalan Sedikit Pahala Berganda** tulisan Ustaz Muhadir bin Haji Joll, terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. Cara melaksanakannya ada dijelaskan dalam buku ini.)